

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

9. Seperti dalam soalan bertulis November 2019, sebanyak RM56.83 juta untuk memartabatkan agama Islam. Pecahan adalah emolument /elaun 58%, pembangunan/bantuan pendidikan dan lain-lain 42%.
- (a) Perincikan perbelanjaan yang melibatkan 42%.
  - (b) Adakah bantuan masyarakat dan agama Islam hanya 42% / RM24.13 juta tolak emolumen/elaun? Adakah perlu ditambah untuk tujuan ini?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. (a) Peruntukan yang menyumbang kepada 42% daripada keseluruhan peruntukan untuk memartabatkan institusi agama Islam bagi tahun 2019 merangkumi perbelanjaan seperti berikut :-
- (i) Program bantuan pendidikan berjumlah RM2.49 juta.
  - (ii) Projek pembangunan berjumlah RM16.36 juta di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan Jabatan Kehakiman Syariah (JKS).
  - (iii) Lain-lain bayaran berjumlah RM7.38 juta yang merangkumi bayaran saguhati pegawai masjid, Bantuan Khas Kewangan/Bonus kepada guru KAFA, guru agama, guru

pondok, guru tahfiz dan guru tadis, sumbangan khas kepada Ijtimak Huffaz, sumbangan kepada masjid sempena bulan Ramadan, Sambutan Maal Hijrah, Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri, Ujian Menghafaz Al-Quran, Pertandingan Nasyid, Maulidul Rasul, Jawatankuasa MMK Agama dan Tabung Pembangunan Agama.

- (b) Peruntukan berjumlah RM24.13 juta atau 42% daripada keseluruhan peruntukan untuk memperkasakan institusi agama Islam ini adalah mencukupi. Perincian peruntukan yang diluluskan bagi pembiayaan program institusi Islam negeri Pulau Pinang tahun 2019 dan 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Pemberian bantuan oleh Kerajaan Negeri kepada institusi agama Islam tidak terhad kepada 42% yang dinyatakan tersebut. Pihak Kerajaan Negeri turut melihat keperluan untuk memberikan peruntukan jika terdapat sesuatu keperluan yang wajar. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah memberikan Bantuan Kewangan Khas kepada masjid dan surau berjumlah RM495,000 sebagai salah satu inisiatif dalam Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dalam menghadapi wabak COVID-19.

Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan berasingan yang khusus bagi tujuan pelaksanaan program i-Sejahtera dan program-program bantuan kebajikan/sosial lain yang memberi manfaat kepada semua rakyat Pulau Pinang termasuk rakyat beragama Islam. Peruntukan yang dibelanjakan bagi pelaksanaan program i-Sejahtera dan program bantuan kebajikan/sosial lain pada tahun 2019 adalah berjumlah RM87.02 juta.

Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) juga menyediakan peruntukan bagi program bantuan masyarakat Islam dan memperkasakan institusi agama Islam.

**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN KERAJAAN NEGERI BAGI PEMBIAYAAN PROGRAM KEAGAMAAN ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008 SEHINGGA 2020**

<b>Tahun</b>	<b>Program Bantuan Pendidikan</b>	<b>Sumbangan elaun guru-guru KAFA</b>	<b>Peruntukan Pembangunan (JHEAIPP &amp; Jbtn. Kehakiman Syariah)</b>	<b>Peruntukan Mengurus (JHEAIPP, Jbtn. Mufti, Jbtn. Kehakiman Syariah dan Jbtn. Pendakwaan Syariah)</b>	<b>* Lain-Lain (tidak termasuk elaun guru KAFA dan sekolah)</b>	<b>JUMLAH</b>
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>
2019	1.75	1.00	15.00	31.70	7.38	<b>56.83</b>
2020	1.75	1.00	17.46	32.46	7.38	<b>60.05</b>

\* Lain-lain adalah termasuk :

Bayaran saguhati pegawai masjid, Bantuan Khas Kewangan/Bonus kepada guru KAFA, guru agama, guru pondok, guru tafhib dan guru tadis, sumbangan khas kepada Ijtimak Huffaz, sumbangan kepada masjid sempena bulan Ramadan, Sambutan Maal Hijrah, Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri, Ujian Menghafaz Al-Quran, Pertandingan Nasyid, Maulidul Rasul, Jawatankuasa MMK Agama dan Tabung Pembangunan Agama.